




BUDAYA KORPORAT DI HOSPITAL SEGAMAT

CARTA ORGANISASI BUDAYA KORPORAT HOSPITAL SEGAMAT





LOGO

Kami Sedia Membantu

Latar Belakang Putih

⇒ Melambangkan kepentingan kebersihan, keikhlasan dan kesungguhan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan tugas.

Sentuhan di Hati

⇒ Melambangkan kelembutan, kemesraan dan keprihatinan semasa menjalankan tugas.

Hati Berwarna Merah

⇒ Melambangkan semangat dan komitmen anggota Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

Tangan

⇒ Melambangkan keikhlasan dan kesediaan untuk membantu.

Nilai-nilai Teras

⇒ Menonjolkan prinsip-prinsip yang dipegang semasa menjalankan tugas.



MOTO

Kami Sedia Membantu

Kami

Semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat yang sama.

Sedia

Sentiasa bersiap sedia untuk memberi perkhidmatan secara profesional.

Membantu

Ikhlas semasa memberi bantuan dan menjalankan tugas.



NILAI-NILAI TERAS

Penyayang

⇒ Kami komited untuk menerima pelanggan dengan sikap ramah mesra dan penuh perhatian. Kami bersedia memberi layanan dengan bersopan santun, responsif dan menghormati hak individu. Kami bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang mesra pelanggan.

Profesionalisme

⇒ Kami komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik merangkumi etika dan taraf kerja yang dikehendaki serta prinsip anggota yang bertanggungjawab. Kami percaya dalam memberikan perkhidmatan cemerlang dan sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat.

Kerja Berpasukan

⇒ Kami komited untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan harmoni bagi mencapai matlamat yang sama.



JANJI KAMI

Kami Sedia Membantu

Kami Komited terhadap keperluan anda

- ⇒ Memastikan perkhidmatan yang adil, mesra, rasa hormat dan prihatin.

Kami melaksanakan apa yang dirancang

- ⇒ Menjanjikan anda tahap profesionalisme yang tertinggi dalam segala urusan penyampaian perkhidmatan.

Kami berdedikasi terhadap tugas

- ⇒ Bekerjasama untuk mengukuhkan produktiviti dan meningkatkan kecekapan.
-



KOMITMEN KAMI

Kami komited;

- ⇒ memberikan perkhidmatan kepada setiap pesakit dengan penuh rasa kemesraan, kejujuran dan keikhlasan.

Kami komited;

- ⇒ memberikan perkhidmatan yang efektif dengan bersikap profesional, tekun, mudah didekati dan bersopan santun.

Kami komited;

- ⇒ bekerja sebagai satu pasukan untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa efisien, efektif dan produktif.
-



IKRAR BUDAYA KORPORAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bahawasanya kami, WARGA KERJA KKM, berikrar:

- ⇒ **Memberi perkhidmatan yang terbaik, mesra dan profesional;**
 - ⇒ **Memberi layanan secara saksama tanpa mengira pangkat, bangsa dan agama;**
 - ⇒ **Bekerja sebagai satu pasukan yang efisien, efektif dan produktif;**
 - ⇒ **Sedia membantu dengan ikhlas dan bertanggungjawab; serta**
 - ⇒ **Komited untuk mencapai matlamat Kementerian.**
-